

JABATAN PERDANA MENTERI
MALAYSIA,
JALAN DATO' ONN,
50502 KUALA LUMPUR

Telefon: 2581957
Kawat: PERDANA
Fax: 2984172

Rujukan Kami: PM(S) 10034 Jld. 7(34)

Tarikh: 1 Jun 1997

Ketua-Ketua Setiausaha, Kementerian-Kementerian Persekutuan,
Ketua-Ketua Pengarah, Jabatan-Jabatan Persekutuan,
Ketua Pengarah/Pengurus Besar Badan-Badan Berkanun,
Y.B. Setiausaha-Setiausaha Kerajaan Negeri.

SURAT PEKELILING AM BIL. 4 TAHUN 1997

PENUBUHAN BAHAGIAN KEMAJUAN WILAYAH PERSEKUTUAN DAN PERANCANGAN LEMBAH KLANG (BKWPPLK)

Pendahuluan

Adalah dimaklumkan bahawa Pejabat Urusetia Perancangan Lembah Klang (UPLK), Jabatan Perdana Menteri (JPM) telah digabungkan dengan Bahagian Kemajuan Wilayah Persekutuan (BKWP), Jabatan Perdana Menteri (JPM). Penggabungan ini telah mewujudkan satu organisasi baru yang digelar Bahagian Kemajuan Wilayah Persekutuan dan Perancangan Lembah Klang (BKWPPLK), JPM. Pewujudan organisasi ini adalah selaras dengan hasrat dan dasar Kerajaan untuk mengecilkan saiz perkhidmatan awam dan urusan penyusunan semula struktur organisasi berikutan pelaksanaan Sistem Saraan Baru (SSB).

2. Objektif dan Fungsi

2.1 Asas-asas pewujudan dan fungsi-fungsi BKWP dan UPLK telah dijadikan objektif dan fungsi BKWPPLK. Oleh itu objektif BKWPPLK adalah untuk memastikan pembangunan Wilayah Persekutuan yang meliputi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Labuan berjalan lancar bagi memenuhi dasar-dasar dan matlamat yang ditentukan oleh Kerajaan. Di samping itu, ia juga mempunyai objektif untuk merancang, mengesan dan menyelaraskan pembangunan yang bersifat kewilayahan di Lembah Klang.

2.2 Ke arah memenuhi objektif-objektif itu, BKWPPLK menjalankan tugas-tugas seperti berikut:

- (a) Menentu dan melaksanakan dasar-dasar untuk mentadbir Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan secara berkesan;
- (b) Menggubal dasar dan strategi bagi kelulusan Majlis Perancangan Wilayah Lembah Klang menerusi Jawatankuasa Kerja Wilayah Lembah Klang;

- (c) Menentukan dasar-dasar pembangunan tanah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan;
- (d) Melaksanakan sebarang keputusan dasar yang dibuat oleh Kerajaan mengenai Wilayah Persekutuan;
- (e) Mengesan kemajuan projek-projek pembangunan di Wilayah Persekutuan sebagaimana yang dikehendaki mengikut Arahan No. 1 1996, Jentera Penyelarasan Pelaksanaan Dasar Pembangunan Nasional. Seterusnya BKWPPLK juga mengawasi supaya perancangan dan pelaksanaan pembangunan adalah sejajar dengan pelan-pelan Wilayah yang telah diluluskan;
- (f) Menilai, menyelaras dan mengkaji semula setiap lima (5) tahun pelan-pelan, Pelan Perspektif Wilayah, bersama-sama dengan agensi-agensi yang berkenaan;
- (g) Mengenalpasti projek-projek Bahagian di Wilayah Persekutuan dan menyalurkannya dengan tepat melalui Unit-unit yang wujud di bawahnya untuk pelaksanaan;
- (h) Menyelaraskan dan mengesan pelaksanaan projek-projek pembangunan yang dikendalikan sendiri oleh Bahagian dan yang dilaksanakan oleh agensi-agensinya iaitu:
 - (i) Dewan Bandaraya Kuala Lumpur;
 - (ii) Majlis Perbandaran Labuan; dan
 - (iii) Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan.
- (i) Menjadi Urus Setia Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan, Urus Setia kepada Majlis Perancangan Wilayah Lembah Klang, Jawatankuasa Kerja Wilayah Lembah Klang dan Jawatankuasa Pembangunan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur; dan
- (j) Menubuh serta menyelenggara sebuah bank data mengenai Wilayah Lembah Klang serta menasihati dan membantu agensi-agensi Kerajaan mengenai cara-cara yang lebih baik dalam penyimpanan dan persembahan data.

3. Pengekalan Majlis dan Jawatankuasa Sedia Ada

3.1 Majlis dan Jawatankuasa sedia ada termasuk Majlis Perancangan Wilayah Lembah Klang yang dipekelilingkan dalam Surat Pekeliling Am Bil. 2 Tahun 1981 akan terus dikekalkan dari segi struktur dan fungsinya dan akan diurusetiaikan oleh Organisasi ini.

4. Semua Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan adalah diminta mengambil maklum akan perkembangan ini dan memberi kerjasama kepada BKWPPLK dalam menjalankan tugas-tugas yang telah ditetapkan untuk Bahagian ini.


5. Alamat Bahagian adalah seperti berikut:

Setiausaha,
Bahagian Kemajuan Wilayah Persekutuan
dan Perancangan Lembah Klang,
Jabatan Perdana Menteri,
Tingkat 5, Wisma PKNS,
Jalan Raja Laut,
50674 Kuala Lumpur

Tel. No.: 03-2912343 (Setiausaha)
03-2922466 (Pejabat)

6. Surat Pekeliling Am ini adalah berkuatkuasa pada 1 OKTOBER 1996.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(DATUK ABDUL HALIM ALI)
Ketua Setiausaha Negara,
Jabatan Perdana Menteri,
Kuala Lumpur



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD.
CAWANGAN KUALA LUMPUR
1997